



RANCHANGAN PEMILEHAN WAKIL2 KA MAJLIS2 MASHUARAT DA'ERAH DAN
MAJLIS2 MASHUARAT BANDARAN

KERAJA'AN NEGERI INI sedang berusaha menjalankan perishtiwaran yang telah diumumkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada awal tahun ini berkenaan perkara mengenai penubohan Majlis Mashuarat Da'erah dan Majlis Mashuarat Luar Bandar yang akan mulai berjalan kuat kuasanya pada bulan January tahun hadapan.

Akan diingatkan bahawa Majlis Mashuarat Penasehat Da'erah yang dahulu telah ditukarkan gelarannya sebagai Majlis Mashuarat Da'erah mulai dari bulan March tahun ini, dan tiap2 da'erah itu telah dibahagikan kepada beberapa buah da'erah yang kecil.

Menurut kepada Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia berkenaan hal tersebut, upacara pemilehan wakil2 dari da'erah2 yang kecil itu ka Majlis2 Mashuarat Da'erah akan di-jalankan sebelum akhir tahun ini dengan mengikut kepada chara2 'adat isti'adat turun temurun negeri ini. Maka dengan hal itu dapat-lah Majlis2 Mashuarat Da'erah menjalankan tugas2nya sebagaimana yang telah dijadualkan.

Dibawah ranchangan2 yang baharu, Majlis2 Mashuarat Da'erah dan Majlis Mashuarat Luar Bandar serta juga Ahli2 Majlis Mashuarat itu akan diberi kuasa yang lebih banyak lagi dan memikul tanggung2 jawab yang benar.

Kechualih Lembaga Majlis Mashuarat Luar Bandar, lain2 Majlis Mashuarat Da'erah2 Luar Bandar dan Pendalaman Luar Bandar akan mengandungi 50% daripada ahli2 yang resmi yang dilantik oleh Kerajaan, dan 50% daripada ahli2 yang tidak resmi yang dipilih oleh orang2 ramai sendiri.

Selain daripada ahli2 tersebut, pihak Kerajaan akan melantik sa orang pengurus untuk tiap2 buah Majlis Mashuarat. Pengurus itu tidaklah akan mengundi dalam persidangan Majlis Mashuarat kechualih pada masa undi pengurus itu dikehendaki bagi menentukan ke'ada'an sesuatu keputusan yang muktamad.

Oleh kerana upacara pemilehan wakil2 ka Majlis2 Mashuarat Da'erah dan Luar Bandar dengan mengikut kepada chara2 'adat isti'adat turun temurun akan dilangsungkan kira2 pada bulan October akan datang, maka pihak Kerajaan Negeri ini akan menjalankan ranchangan2 bagi membahagikan beberapa buah da'erah itu ka beberapa buah kawasan supaya dapatlah dilantik saorang ahli daripada tiap2 buah kawasan itu dan juga dipilih saorang ahli daripada tiap2 buah kawasan itu juga.

Selanjutnya semua Penolong2 Resident, Pegawai2 Da'erah dan Pegawai2 Penerangan akan mengadakan satu mashuarat dengan yang Berhormat Tuan British Resident sedikit hari lagi bagi membincangkan pekerja'an2 yang akan dijalankan mengenai pemilehan wakil2 tersebut dan haruslah tempat2 membuang undi akan dijalankan di-sekolah2.

X UPACHARA PEMBUKAAN BANGUNAN2 BAHARU SEKOLAH2 MELAYU

OLEH DYMM AL-SULTAN

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan melangsungkan upachara pembukaan resmi 9 buah bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu pada bulan ini dan pada bulan hadapan seperti berikut:

Hari Thalatha 16 July: Pukul 10.30 pagi - Sekolah Melayu Berakas dan pada pukul 11.30 pagi - Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Hari Khamis 18 July: Pukul 10.30 pagi - Sekolah Melayu Masin dan pada pukul 11.30 pagi - Sekolah Melayu Pangkalan Batu.

Hari Sabtu 20 July; Pukul 12.00 tengah hari - Sekolah Melayu Batu Apoi.

Hari Rabu 24 July: Pukul 10.30 pagi Sekolah Melayu Bunut dan pada pukul 12.00 tengah hari - Sekolah Melayu Birau.

Hari Ithnin 29 July: Pukul 11.00 pagi - Sekolah Melayu Kasa

Hari Sabtu 3 August - Sekolah Melayu Jerudong.

X WAKIL2 BRUNEI KA TEMASHA SAMBUTAN KEMERDEKAAN MALAYA

Keraja'an Persekutuan Tanah Melayu telah menjemput Kerajaan Brunei menghantarkan dua orang wakil2 untuk menghadziri ditemasha istiadat sambutan Hari Kemerdeka'an Malaya yang akan dilangsungkan di Kuala Lumpur pada akhir bulan hadapan.

Kerajaan Brunei sangatlah sukachita menerima jemputan yang berharga itu dan akan menghantarkan dua orang Wakil2 dari Negeri ini ka temasha yang terma'lum.

Nama2 Wakil2 itu akan diumumkan sedikit hari lagi.

X PEMERHATI2 KA PERSIDANGAN PERSEKUTUAN PARLIMEN DIMALAYA

Kerajaan Brunei akan menghantarkan dua orang pemerhati2 untuk menghadziri ka Persidangan Yang Kelima Persekutuan Parlimen Jajahan Ta'lok British bagi kawasan2 Malaya dan Borneo British yang akan dilangsungkan di Kuala Lumpur mulai dari 29 August ka 3 September tahun ini.

Persidangan Persekutuan tersebut pada kali yang ke-empat telah diadakan di Singapura pada tahun yang lalu dan pemerhati2 dari Brunei yang menghadziri persidangan itu ialah Al-merhum Yang Berhormat Pengiran Maharaja Leila dan Yang Berhormat Pengiran Kerma Indera.

Nama2 pemerhati2 yang akan menghadziri persidangan itu akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

X TAKSIRAN CHUKAI2 PINTU

Taksiran chukai pintu bagi semua bangunan didalam kawasan Bandaran sekarang bolehlah didapati untuk pepereksa'an diPejabat

Bandaran Brunei

Bandaran Brunei.

Pejabat Bandaran itu akan menimbangkan pengaduan2 mengenai taksiran chukai pintu itu pada 3 August, 1957.

Sebarang pengaduan hendaklah dibuat sendiri atau pun menerusi wakil, atau dengan cara menulis surat kepada Setia Usaha Bandaran sebelum 1 August, 1957.

MA'LUMAT KAPADA ORANG2 YANG MEMPUNYAI KERETA2

Orang2 ramai yang mempunyai kereta2 yang didaftarkan di-Negeri ini adalah diperingatkan bahawa sakiranya lisen2 mereka hanya dapat digunakan hingga ka 30 June, 1957 maka hendaklah mereka membaharui lisen2 kereta2 mereka itu dengan seberapa segera.

LAWATAN PAKAR HAL EHWAL PENCHEGAH BATOK KERING

DARI AUSTRALIA

Sir Harry Wunderly, bekas Pengarah Bahagian Pencheгах Penyakit Batok Kering dari Jabatan Kesehatan, Kerajaan Australia Barat telah tiba diBrunei pada hari Rabu 10 July yang lalu untuk mengadakan perundingan2 dengan Pegawai2 Kerajaan dan Pegawai2 dari Jabatan Perubatan disini mengenai perkara mengubati penyakit batok kering dan lain2 penyakit.

Beliau telah ditemani oleh isterinya dan telah berangkat ka Seria pada hari Khamis 11 July dimana beliau telah mengadakan perundingan2 dengan Anggota2 Jabatan Perubatan disana.

Sir Harry Wunderly telah tiba semula di Bandar Brunei pada hari Sabtu 13 July dan pada hari itu juga beliau telah berangkat dengan kapal terbang ka Jesselton dan ka lain2 tempat di Borneo Utara serta di Negeri Sarawak. Kemudian beliau akan berangkat ka Singapura dari Kuching dan ka Hongkong untuk menjalankan tugas2nya sebagaimana yang dijalankan diNegeri ini.

WAKIL2 BRUNEI KA TEMASHA PERTUNJOKKAN TANAM2AN

DIMALAYA

Lima orang telah mewakili Negeri ini ka temasha Pertunjokkan Tanam2an dan Pertanian yang telah dilangsungkan di Kuala Lumpur pada awal bulan ini.

Beliau2 itu ialah Pegawai Pertanian Negeri Inche'Hamidoon bin Awang Damit, sebagai Ketua Rombongan, Pehin Bendahari Awang Abdul Rahman, Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Inche'Ahmad bin Haji Ismail dan Awang Mohamed Salleh bin Pehin Ratna di-Raja.

PEGAWAI2 YANG MENJAGA PEJABAT2 TANAH SANEGERI BRUNEI

Adalah diumumkan untuk pengetahuan orang2 ramai bahawa Pegawai2 yang disebutkan dibawah ini telah ditetapkan oleh Pihak Yang Berkuasa untuk menjaga Pejabat2 Tanah Daerah2 Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Temburong, dan Daerah Tutong.

Pejabat Tanah Brunei dan Muara: Penolong Pegawai Pemungut Hasil2 Tanah (Bahagian Pertadbiran Pejabat) dan Penolong Pegawai Pemungut Hasil2 Tanah (Bahagian Tafsiran Tanah)

Pejabat Tanah Belait.....

Pejabat Tanah Belait: Pegawai Daerah Belait. Pejabat Tanah Tutong: Pegawai Daerah Tutong, dan Pejabat Tanah Temburong: Pegawai Daerah Temburong.

TEMASHA SAMBUTAN HARI RAYA HAJI DI SEKOLAH MELAYU S.M.J.A.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemal-ul-Alam, Pekan Brunei telah menyambut Hari Raya Haji dengan mengadakan Majlis2 Peraduan Bacha'an Koran Al-Karim pada petang hari Ithnin 8 July, 1957 di Dewan Sekolah itu, dan pada malamnya telah dilangsungkan Peraduan2 Bahath dan Sharahan.

Seramai 29 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah Melayu S.M.J.A., Sekolah Perempuan Raja Isteri Fatimah, dan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bacha'an Koran.

Pehin Tuan Imam Haji Sa'ad, Mudim Haji Adnan, Awang Omar bin Randah dan Inche' Mohammad Yassin telah menghakimkan peraduan itu, dan hadiah2 telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

Awangku Mahmud bin Pengiran Damit, murid Darjah 5A telah menjadi Johan dalam Peraduan terbuka kepada murid2 lelaki Sekolah Melayu S.M.J.A. dan menerima Piala Perak Pusingan yang dihadiahkan oleh Persatuan Kesatuan Islam, Brunei. Mohamed Kassim bin Abu Bakar telah menjadi Naib Johan dan diturut oleh Abdul Wahab bin Pehin Udana Khatib, Mohsin bin Bakir, Mustafa bin Chuchu, Metusin bin Haji Serudin, Mohamed Tahir bin Ibrahim dan Mohsin bin Safar.

Arfan bin Mohamed, seorang penuntut dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah memperolehi semula Piala Perak Pusingan yang dihadiahkan oleh Persatuan Kesatuan Islam, Brunei setelah ia berjaya mempertahankan gelarannya sebagai Johan Bacha'an Koran diantara Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College pada tahun yang kedua berturut2. Gelaran yang kedua dimenangi oleh Umar bin Haji Serudin, yang ketiga, Annuar bin Abdul Hamid, dan yang keempat, Muhammad bin Haji Serudin.

Dalam bahagian terbuka kepada murid2 perempuan dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah. pemenang2nya adalah seperti berikut:

1. Rosnah binte Mohamed Sa'id, 2. Dayangku Maisalamah binte Pengiran damit, 3. Ehsan binte Serudin, 4. Asmah binte Umar, 5. Maimun binte Ahmad dan 6. Rambunai binte Bakar.

Sesudah selesai dilangsungkan peraduan2 tersebut, ucapan2 telah dilafadzkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Yang Berhormat Che'gu Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dengan sifatnya sebagai Naib Pengurus, Jawatan Kuasa Sekolah Melayu Pekan Brunei dan lain2nya.

Kemudian para hadirin telah menyampurnakan jamuan teh dan bersurai selepas Pehin Tuan Imam Haji Sa'ad membacakan Do'a Selamat.

Peraduan Bahath yang telah dilangsungkan pada malam tersebut, dibawah tajuk "Bekerja menjadi Police itu adalah lebih baik daripada menjadi Kerani" telah dimenangi oleh Awangku Suhaili bin Pengiran Haji Ghani dan rakan2nya dengan memperolehi 39 suara melawan 11 suara.

Pihak Penchadang Peraduan Bahath itu telah terdiri dari Awangku Suhaili, Ali Akbar bin Ibrahim dan Sulaiman bin Chuchu, manakala pihak Pembahath telah diketuai oleh Ibrahim bin Idris dengan mendapat sokongan dari Aji bin Nasar dan Abdul Wahab bin Sulaiman.

Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah memimpin Majlis itu dan Hakim2nya ialah Che'gu Yahya dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemal-ul-Alam, Inche' Zaini Haji Ahmad dan Inche' Zain Ariff.

Mohamed Ali bin ...

Mohamed Ali bin Mohamed Daud, penuntut dari Sultan Omar Ali Saifuddin College telah menang peraduan Sharahan, diturut oleh Awangku Suhaili bin Pengiran Haji Ghani, dan Ali Akbar bin Ibrahim.

Hadiah2 untok pitah berchakap telah dimenangi oleh Sulaiman bin Chuchu dan Ali Akbar bin Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud telah menyampaikan hadiah2 setelah selesai dilangsungkan pertandingan2 Bahath dan Sharahan yang termalun.

2 ORANG LAGI JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI

MENINGGAL DUNIA DI MEKAH

Dua orang lagi jema'ah2 Haji dari Brunei yang telah berangkat ka Mekah pada tahun ini telah meninggal dunia.

Mereka ialah Pengiran Safiudin bin Pengiran Shahbudin, berumur 39 tahun dari Kampong Sengkurong, Brunei, dan seorang lagi ialah Dayang halimah binte Kassim, berumur 42 tahun dari Kampong Peramu, Brunei.

Sahingga ka hari ini, seramai enam orang daripada sajumlah 115 orang dari Brunei yang telah berangkat ka Tanah Suchi pada tahun ini telah meninggal dunia sebelum menyempurnakan fardzu Haji.

GURU PEREMPUAN DUSUN DI LAMUNIN MEMELOK UGAMA ISLAM

Sailok, seorang perempuan Dusun yang berkhidmat sebagai Guru Pelateh di Sekolah Melayu Lamunin, Daerah Tutong telah dengan sukacitanya memelok agama Islam baharu2 ini.

Namanya yang baharu ialah Rukayah binte Angsa dan Istiadat mengislamkan-nya telah diselenggarakan oleh Kathi Besar Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammed Salleh dan oleh beberapa orang Pegawai2 U gama di rumah Abang Mohamed Yusuf, iaitu bakal ayah mertua kepada Che'gu Rukayah.

Sasudah dilangsungkan istiadat mengislamkan Che'gu itu, maka satu Majlis Jamuan Makan telah diadakan di rumah itu juga dengan dihadziri oleh Pegawai Daerah Tutong, Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar; Imam Masjid Tutong Abdul Khari dan lain2nya, dalam mana Yang Berhormat Tuan Kathi Besar telah memberi satu ucapan yang berharga.

Sementara itu, Abang Mohamed Yusuf telah mengeluarkan surat2 jemputan kepada orang2 ramai ka rumahnya di Kampong Lamunin pada hari Ahad 21 July, 1957 untuk menyempurnakan istiadat perkahwinan diantara anaknya Awang Johari dengan Che'gu Rukayah binte Angsa.

KENYATAAN KHAS

Mulai dari 22 July, 1957 Pejabat Kerja Raya dan Pejabat State Engineer di bangunan Pejabat2 Kerajaan di Bandar Brunei dan Pejabat Roads Section akan berpindah ka bangunan baharu Jabatan Custom. Bagaimana pun, Pejabat Workshop akan terus menggunakan tempatnya yang lama di Tasek.

PERTANDINGAN BACHAAN KORAN

Pertandingan Bachaan Koran bagi Daerah Brunei dibawah anjuran Persatuan Kesatuan Islam Brunei akan dilangsungkan di Mesjid Pekan Brunei pada hari Ahad 28 July, 1957.

Pertandingan itu adalah terbuka kepada kanak2 laki2 dan perempuan yang berumur 14 tahun kebawah dan juga kepada orang-orang dewasa.

Pertandingan untuk orang2 dewasa bahagian 'B' akan dilangsungkan di Mesjid Pekan Brunei pada 28 July dan chalon2 yang berjaya menjadi Johan2 yang pertama dan yang kedua dalam pertandingan itu akan dipilih untuk bertanding dalam bahagian 'A' pada 6 August.

Chalon2 yang berjaya dalam pertandingan2 yang terma'lum akan masuk bertanding dalam pertandingan sanegeri Brunei di Mesjid Pekan Brunei pada 11 August, 1957.

PEGAWAI - GURU2 - PENUNTUT2 BRUNEI DILUAR NEGERI

Che'gu Pengeran Hidup bin Pengeran Hashim, Guru Kumpulan di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah balek ka Brunei pada 6 July setelah menyempurnakan kursus dalam hal ehwal Pelajaran di England dengan mendapat Pelajaran Perchuma dari Kerajaan Brunei.

Che'gu Mohamad Jamil bin Awang Omar, Pengawas Kebun2 Sekolah dan Rumah telah balek ka Brunei pada 17 July sasudah tamat pelajarannya di Maktab City of Worcester, England atas Pelajaran Perchuma dari Kerajaan Brunei.

Inche' Talib bin Darwish, seorang Penolong Pegawai Teknik yang kanan di Jabatan Kerja Raya Brunei yang telah berangkat ka United Kingdom beberapa bulan yang lalu untuk mempelajari Kursus Juru-Tera atas perbelanja'an perchuma dari Kerajaan Brunei telah balek ka Brunei baharu2 ini kerana berchuti.

Beliau dijangka akan balek ka England kira2 pada bulan September hadapan.

Enam orang penuntut2 dari Brunei yang belajar di Maktab Islam saMalaya atas perbelanja'an perchuma dari Kerajaan Brunei telah juga balek ka Brunei baharu2 ini untuk menyempurnakan kelepasan mereka disini selama lebih kurang dua bulan.

Penuntut2 itu ialah Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Awang Mahalle bin Haji Abdullah, Awang Abdul Hamid bin Mohamad Daud, Awang Abdul Hamid bin Bakal, dan Awang Abdul Salam bin Abdul Razak.

LAWATAN PENUNTUT2 DARI KUCHING KA BRUNEI

Seramai 22 orang Guru2 Pelateh dari Pusat Latehan Guru2 Batu Lintang, Kuching dengan diketuai oleh Che'gu Mobil bin Haji Paris telah melawat ka Brunei pada 2 July yang lalu dari Limbang.

Mereka telah melawat ka Pejabat Penerangan, Radio Brunei, Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamal-ul-Alam, Sekolah Raja Isteri Fatimah, Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan kalain2 tempat. Sekeliannya iti telah pun balek ka Kuching melalui Miri pada 11 July.
